



## **TEKS UCAPAN**

**TUAN YANG TERUTAMA TUN DATO' SERI UTAMA  
AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**MAJLIS JAMUAN TEH APRESIASI  
BERSAMA  
TUAN YANG TERUTAMA  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**PADA 9 JANUARI 2023 (ISNIN) 4:00 PETANG  
BERTEMPAT DI PIECCA, BUTTERWORTH ARENA**

Bismillahirrahmanirrahim

**Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman**

Timbalan Ketua Menteri (I) Pulau Pinang

**Yang Berhormat Profesor Dr. Ramasamy a/l Palanisamy**

Timbalan Ketua Menteri (II) Pulau Pinang

**Yang Berhormat Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar**

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Rakyat

Yang Berbahagia Dato' – Dato' dan Datin - Datin

Yang Berbahagia Ketua - Ketua Jabatan Negeri dan Ketua –  
Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan - tuan dan puan - puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, saya merafakkan setinggi – tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas limpah dan kurniaNya, dapat saya bersama – sama warga perkhidmatan awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam Majlis Apresiasi yang sungguh bermakna ini. Walaupun Majlis Apresiasi ini terpaksa dilewatkan atas beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan, namun adalah menjadi harapan saya agar majlis ini menjadi tanda ingatan dan penghargaan kepada semua yang terlibat.
  
2. Dalam kesempatan ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan selamat tahun baru kepada semua para hadirin, dan semoga tahun 2023 ini akan membawa negeri Pulau Pinang ke arah negeri yang lebih maju dan berkembang pesat.

3. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga perkhidmatan awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diterajui oleh Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang yang disokong oleh barisan Exco, yang sentiasa bekerja keras dalam menyumbangkan khidmat bakti kepada negeri kita, demi memastikan negeri Pulau Pinang terus bergerak seiring arus permodenan.

4. Majlis pada hari ini sebenarnya diadakan sebagai manifestasi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan Majlis - Majlis Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, khasnya Majlis Pemasyhuran Jawatan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 1 Mei 2021, di mana saya telah mengangkat sumpah sebagai Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

5. Alhamdulillah, pelbagai majlis yang telah diaturkan telah berjaya dilaksanakan, diantaranya Istiadat Angkat Sumpah Jawatan Yang di-Pertua Negeri, Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang ke-8, Majlis Serah Terima Tugas, Majlis Kesyukuran sempena pelantikan jawatan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, serta kawalan kehormatan oleh 106 anggota Rejimen Askar Melayu Diraja. Sekalung tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada tuan – tuan dan puan – puan, serta petugas – petugas perkhidmatan awam di atas segala usaha yang diberikan, demi memastikan kelancaran majlis - majlis tersebut.

Hadirin Hadirat yang saya hormati sekalian,

6. Akhir kata, saya ingin menyampaikan salam saya serta Toh Puan kepada seluruh warga perkhidmatan awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan petugas-petugas yang telah memberikan komitmen sepenuhnya, serta kerjasama yang sangat baik dalam usaha melancarkan perjalanan Majlis – Majlis Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, bermula daripada hari pertama saya berkhidmat sebagai Ketua Negeri Pulau Pinang.

7. Saya berdoa semoga Negeri Pulau Pinang sentiasa berada dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera, dilindungi dari segala keburukan, malapetaka dan bencana alam, dihindarkan dari segala rupa bentuk kemungkaran dan kemaksiatan, serta diberkati Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Wabilahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.